



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI BERSAMA KOMUNITI SETIAWANGSA DI PROGRAM NUR RAMADAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2016/1437H**

**KUALA LUMPUR, 9 Jun 2016** – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Yayasan Al Bukhary, Yayasan Kesejahteraan Bandar, Yayasan Wilayah Persekutuan dan Pusat Khidmat Masyarakat Setiawangsa menganjurkan Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016/1437H di PPR Seri Semarak. YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri turut bersama-sama komuniti Setiawangsa pada hari ini dalam mengimarahkan bulan Ramadan Al-Mubarak.

2. Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009 merupakan kerjasama strategik pihak kementerian dan agensi dengan organisasi Korporat, NGO's dan Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat di Wilayah Persekutuan. Ianya merupakan program tahunan KWP dan DBKL dalam usaha mengeratkan silaturrahim antara pihak kerajaan dengan komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memperkukuh dan memperkayakan interaksi antara pihak kementerian dan agensi dengan warga kota dalam menerapkan nilai rasa kasih sayang dan prihatin khususnya kepada golongan susah dan mereka yang kurang berkemampuan.

3. Program Nur Ramadan yang diadakan di 11 Parlimen WP Kuala Lumpur tahun ini memperuntukkan sumbangan wang tunai sebanyak RM900,000.00 yang melibatkan 6000 orang asnaf, anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, OKU dan mereka yang kurang berkemampuan. Masing-masing akan menerima sumbangan wang tunai RM150.00 setiap seorang semasa program Nur Ramadan di setiap parlimen. Ini merupakan inisiatif kerjasama strategik antara KWP dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui perkongsian sumbangan wang tunai kepada para asnaf dan mereka yang kurang berkemampuan. MAIWP melalui Baitumal menyumbangkan RM131,250.00 kepada 875 asnaf, manakala KWP menyumbangkan RM18,750.00 kepada 125 orang di Parlimen Setiawangsa ini.

4. 1000 orang penerima sumbangan ini juga turut menerima 10 kilo beras dan 2 kilo gula sumbangan Yayasan Al Bukhary serta set telekung dan sejadah dari Yayasan Kesejahteraan Bandar. Manakala, Surau Al Husna Seri Semarak pula menerima sumbangan wang tunai RM10,000.00 dari Yayasan Wilayah Persekutuan bagi tujuan menaikkan kemudahan surau. Kerjasama strategik KWP dengan pihak MAIWP, Yayasan Al Bukhary, Yayasan Kesejahteraan Bandar dan Yayasan Wilayah Persekutuan bagi Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan dalam melaksanakan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

5. Adalah diharapkan melalui Program Nur Ramadan ini dapat memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada mereka untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan yang seterusnya dapat mencetuskan semangat muhibbah antara masyarakat dan melahirkan rasa bersyukur kepada Allah S.W.T terhadap nikmatNya di bulan Ramadan yang mulia ini.

**Disediakan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan

9 Jun 2016